


# LAPORAN KAJIAN UKM - SEAMEO SEN



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA

---

*The National University  
of Malaysia*



# SEAMEO SEN

REGIONAL CENTRE FOR SPECIAL EDUCATION

# **TAHAP KESEDARAN GURU TAHAP 1 TERHADAP KEPELBAGAIAN MURID BERKEPERLUAN KHAS DALAM BILIK DARJAH**

PENYELIDIK

- Dr. Mohd Isa Hamzah  
Prof. Madya Dr. Mohd Hanafi Mohd Yassin  
Dr. Mohd Mokhtar Tahar  
En. Zolkepeli Harun  
Mejar Mohd Jasmy Abd Rahman  
Pn. Nur Kamariah Ensimaau Abdullah  
Dr. Safani Bari  
En. Mohd Anis Abdul Razak  
En. Amiruddin Abu Samah

INSTITUSI

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	Pengenalan	3
	1.1 Pernyataan Masalah	6
	1.2 Tujuan Kajian	9
	1.3 Objektif Kajian	9
	1.4 Persoalan Kajian	10
	1.5 Hipotesis Kajian	10
	1.6 Kerangka Konseptual	11
	1.7 Batasan Kajian	12
	1.8 Kepentingan Kajian	13
	1.9 Definisi Operasional	13
2.0	Kajian Literatur	14
3.0	Methodologi	19
	3.1 Rekabentuk Kajian	19
	3.2 Populasi Kajian	19
	3.3 Method Pengumpulan Data	20
	3.4 Instrumen	20
	3.5 Analisis Data	21
	3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	21
	3.7 Kajian Rintis	21
	3.8 Etika Pengumpulan Data	21
4.0	Dapatan Kajian	22
5.0	Perbincangan	32
	5.1 Cadangan	33
6.0	Kesimpulan	34
7.0	Rujukan	35
8.0	Lampiran 1	38

## **1.0 PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menggariskan sembilan tunjang utama dalam pendidikan yang merangkumi aspirasi murid dan aspirasi guru malah turut menekankan kesamarataan akses kepada pendidikan di samping merapatkan jurang pendidikan di antara bandar dan pedalaman. Oleh itu, setiap kanak-kanak warganegara Malaysia mempunyai hak kesamarataan dalam mendapatkan peluang pendidikan. Justeru, murid-murid berkeperluan khas juga diberi perhatian khusus agar tidak tercincir dalam dunia pendidikan. Di Malaysia, pendidikan khas telah mendapat perhatian semua pihak apabila Akta Pendidikan 1996 menyatakan, program pendidikan khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan layak diikuti oleh murid dengan keperluan khas yang boleh dididik, iaitu;

*“Jika dia mampu menguruskan diri sendiri tanpa bergantung kepada bantuan orang lain dan disahkan oleh suatu panel yang terdiri daripada pengamal perubatan, pegawai daripada Kementerian Pendidikan dan pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebagai berupaya mengikut program pendidikan kebangsaan.”*

Sehubungan dengan itu, pendidikan khas di Malaysia pada masa kini adalah di bawah tanggungjawab empat kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang cacat fizikal, terencat akal sederhana dan teruk serta kanak-kanak spastik atau terencat. Manakala Kementerian Kesihatan pula bertanggungjawab menyaring dan mengenalpasti kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan berisiko.

Sejarah Pendidikan Khas di Malaysia tercipta dengan bermulanya penubuhan Sekolah Rendah St Nicholas di Melaka oleh pihak Gereja Anglikan pada tahun 1926 yang kemudiannya berpindah ke Pulau Pinang pada tahun 1931. Sementara itu, pendidikan khas formal bermula pada tahun 1948 dengan tertubuhnya Sekolah Rendah Pendidikan Khas Princess Elizabeth di Johor Bharu untuk kanak-kanak buta. Pada tahun 1954 Sekolah Persekutuan Kanak-Kanak Pekak ditubuhkan di Pulau Pinang untuk kanak-kanak pekak. Program pemulihan ke atas pelajar “lembam” (lemah dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira pada tahap umurnya) bermula pada tahun 1978. Manakala program untuk kanak-kanak ‘Bermasalah Pembelajaran’ baru bermula

pada tahun 1988 apabila buat pertama kali Kementerian Pendidikan memulakan kelas perintis di Sekolah Kebangsaan Jalan Batu, Kuala Lumpur.

Peristiwa penting yang mempengaruhi Perkembangan Pendidikan Khas Dalam Deklarasi Hak-hak Kemanusiaan Sejagat (1948) menegaskan hak bagi setiap individu mendapat pendidikan. Perkara ini ditegaskan semula dalam Persidangan Dunia bertemakan ‘Pendidikan Untuk Semua’ di Jomtien, Thailand yang menekankan keperluan-keperluan pembelajaran untuk orang kurang upaya. Langkah-langkah perlu diambil untuk menyediakan persamaan akses kepada pendidikan untuk semua kategori orang kurang upaya sebagai bahagian yang sepadu dalam sistem pendidikan. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisyiharkan Hak Kanak-kanak Sedunia dan antara yang ditegaskan ialah hak kanak-kanak istimewa iaitu mereka berhak mendapat penjagaan yang khusus dan bimbingan mengikut kecacatan yang dialami serta peluang menjadi seberapa normal yang mungkin. Dasar pendidikan khas di Malaysia digubal dan dinyatakan dalam Akta Pelajaran 1961. Dalam Bahagian I (Tafsiran) Akta ini dinyatakan bahawa; “sekolah khas bermakna sekolah yang menyediakan layanan pendidikan yang khas untuk murid-murid yang kurang upaya”. Maka dengan itu, wujudlah kelas bercantum masalah penglihatan pada tahun 1962 dan masalah pendengaran pada tahun 1963. Tenaga pengajar yang professional juga dilatih dengan pengambilan pertama latihan perguruan khas masalah penglihatan di Maktab Perguruan Ilmu Khas pada tahun 1962.

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1978) yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran melalui Perakuan 169 merupakan satu titik tolak yang membawa kepada satu penekanan dan tumpuan yang lebih jelas kepada perkembangan Pendidikan Khas di Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan telah bersidang pada 30 Jun 1981 dan memutuskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Antara Kementerian untuk mengkaji dan menentukan bidang tugas masing-masing mengenai kanak-kanak kurang upaya. Kementerian-kementerian yang terlibat selain daripada Kementerian Pendidikan ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat (kini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Kementerian Buruh (kini Kementerian Sumber Manusia). Akta Pelajaran 1961 disemak semula dan digantikan dengan Akta Pendidikan 1996. Satu bab khusus mengenai Pendidikan Khas telah dimasukkan dalam akta tersebut yang menyarankan bahawa: Seksyen 40 and seksyen 41 dalam Akta 1995 dilihat oleh pelbagai pihak sebagai ‘era baru’ dalam dunia pendidikan khas kerana

Menteri Pendidikan dikehendaki membuka kelas jika ada permintaan daripada masyarakat. Akta ini juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menentukan tempoh persekolahan dan kandungan kurikulum untuk keperluan pendidikan khas. Amalan pada masa ini, kanak-kanak berkeperluan khas dibenarkan bersekolah sehingga mereka berumur 19 tahun. 41.1. Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan:

- Tempoh pendidikan rendah dan menengah yang sesuai dengan keperluan murid yang menerima pendidikan khas.
- Kurikulum yang hendaklah digunakan berhubungan dengan pendidikan khas
- Kategori murid yang memerlukan pendidikan khas dan kaedah yang sesuai bagi pendidikan murid dalam setiap kategori sekolah khas.
- Apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Menteri sesuai dan manfaat atau perlu bagi maksud topik ini.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan Khas (1997), program pendidikan khas bererti suatu program yang disediakan di sekolah khas bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun kecacatan pendengaran. Selain itu, program pendidikan khas juga diertikan sebagai suatu program percantuman di sekolah biasa bagi murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun kecacatan pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran dan program pendidikan inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang dapat menghadiri di dalam kelas biasa bersama-sama dengan murid-murid biasa. Jamila K.A Mohamed (2006) menyatakan bahawa pendidikan khas adalah pengajaran yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan pendidikan murid dengan keperluan khas. Pendidikan ini dirancang secara teratur serta dinilai keberkesanannya secara teliti bagi membantu murid dengan keperluan khas mencapai tahap berdikari tinggi dan kejayaan hidup yang memuaskan.

Program Pendidikan Khas di Malaysia terdiri daripada tiga kategori yang utama iaitu Program Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran, Program Pendidikan Khas Bermasalah Penglihatan dan Program Pendidikan Khas Integrasi. Ketiga-tiga program ini disediakan dari peringkat prasekolah sehingga sekolah menengah. Disamping itu, pendidikan teknik dan vokasional juga disediakan untuk ketiga-tiga kategori ini, khususnya bagi masalah pendengaran.

Malah pelajar masalah pendengaran yang berkelayakan dapat meneruskan pengajian mereka di politeknik yang menjalankan program pendidikan secara inklusif.

Secara umumnya, masyarakat melabelkan orang yang memerlukan keperluan khas sebagai orang cacat, kurang upaya dan ketidak sempurnaan. Menurut Noriati A. Rashid et al. (2011), kumpulan berkeperluan khas merujuk kepada kanak-kanak istimewa (luar biasa atau tercabar dari segi intelek, jasmani, sosial atau emosi). Kumpulan ini dianggap sebagai istimewa kerana ibu bapa dan guru menumpukan perhatian yang lebih berbanding murid-murid normal. Antaranya murid yang menghadapi penyakit autisme, sindrom down, masalah pembelajaran disleksia, lewat perkembangan, cerebral palsy, kecacatan pendengaran dan penglihatan, pintar cerdas, kecelaruan tingkah laku dan lain-lain lagi. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan Khas (1997), murid-murid dengan keperluan khas bermaksud murid-murid yang mempunyai kecacatan samaada penglihatan, pendengaran ataupun masalah pembelajaran. Sebahagian daripada mereka juga mempunyai masalah neurologikal hingga menjaskan pemahaman, penggunaan bahasa, pertuturan, penulisan, berfikir, membaca, menulis, mengeja dan bermatematik.

Keperluan untuk memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak adalah menjadi satu daripada tanggungjawab sosial yang penting dalam masyarakat. Individu berkeperluan khas yang berada dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti Disleksia, Autisme, Perkembangan Lewat, Hiperaktif dan sebagainya.

## **1.1 PERNYATAAN MASALAH**

Dalam konteks murid pendidikan khas di Malaysia, individu berkeperluan khas yang berada dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti Disleksia, Autisme, Perkembangan Lewat, Hiperaktif dan sebagainya. Murid ini berdepan dengan masalah yang pelbagai dan ini memerlukan kaedah rawatan yang juga pelbagai. Tomlinson (2000). Oleh itu, guru perlu menggayakan pembelajaran yang pelbagai bagi meneruskan kelangsungan pengajaran dalam bilik darjah sekaligus mengelakkan murid berkenaan terus tercicir dalam pelajaran. Lantaran kebolehan murid dalam sesebuah bilik darjah ini mempunyai perbezaan, guru yang mengajar dalam bilik darjah perlu membezakan kemampuan murid yang pelbagai. Justeru,

guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan murid. Tomlinson (2000), Burns & Dean, (2005) & Lawrence (2004). Dalam erti kata lain, setiap murid di dalam kelas ini mempunyai tahap keperluan yang berbeza dan guru perlu menyesuaikan kurikulum dan menggunakan gaya pengajaran yang berbeza dengan mempertimbangkan profil pembelajaran murid. Dalam keadaan ini, guru perlu mengambil perhatian dengan memberi pengajaran yang berdasarkan minat murid, prestasi murid berkenaan serta mengenalpasti cara pengajaran yang bersesuaian untuk memastikan murid ini mengikuti proses pengajaran yang sepatutnya. Perkara ini selaras dengan Akta Pendidikan (1998) Peraturan-Peraturan (Pendidikan Khas) Jilid 41, No 26 Perundangan yang berkuatkuasa 1 Januari 1998 di bahagian 2 menyatakan bahawa dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan khas, guru-guru boleh mengubah suai teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti dan suasana untuk matapelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai matlamat Pendidikan Khas.

Dalam situasi ini, seseorang guru juga seharusnya perlu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi aspek pencapaian akademik di kalangan murid dan mengambil langkah-langkah bernes dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid-murid yang mempunyai pencapaian akademik yang berbeza agar semua murid dapat meningkatkan atau memperbaiki tahap pencapaian akademik mereka. Sesuai dengan gesaan *Education For All*, cabaran Pendidikan negara adalah meningkatkan kualiti pendidikan dan kecemerlangan semua tanpa mengira latar belakang pelajar sama ada normal ataupun tidak. Noraini (2013). Walau bagaimanapun, dalam bilik darjah guru sering tidak mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kemampuan individu tetapi mengajar secara kelas yakni keseluruhan. (Lynch & Adams 2008) sedangkan yang perlu dilakukan adalah murid ini perlu dibahagikan kepada kumpulan dan pentaksiran dalam bilik darjah itu perlu diubah suai kepada dua atau tiga tahap Tomlinson (1999), Lawrence (2004) dan Salend (2005). Ini bermakna, murid yang berada dalam bilik darjah perlu diajar secara inklusif dengan memberi bimbingan kepada khusus kepada murid yang masih lemah bagi memastikan hak murid berkenaan dalam menimba ilmu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas tidak ketinggalan.

Elemen yang mendasari keteguhan profesionalisme seseorang guru itu adalah sejauh mana seseorang guru itu menjalani latihan ikhtisas dan kemampuan guru menterjemahkan apa yang dipelajari dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian Rahmah (2005) terhadap guru tahun pertama di Sarawak menunjukkan bahawa efeksi guru adalah hanya di tahap yang sederhana. Malah, Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013 menunjukkan hanya 12 % sahaja guru di peringkat baik dan cemerlang, 31 % berada di tahap memuaskan manakala 5 % di tahap yang lemah. Dalam kajian, Liyana, Fatihah dan Khuziton (2013) terhadap guru pendidikan khas di Jeli, Kelantan hanya seorang responden yang pernah mengajar murid disleksia pernah mengikuti latihan khusus untuk murid disleksia manakala majoriti responden (80%) tidak menyatakan kaedah yang digunakan untuk mengajar murid disleksik kerana tidak pernah mengikuti kursus mengenai kaedah pengajaran yang berkesan bagi membantu golongan ini. Selain itu, tahap pencapaian sesebuah sekolah yang rendah juga dipengaruhi oleh kompetensi guru yang rendah. Losius, Khairuddin & Rosy (2016). Walaupun guru berupaya dalam melakukan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid kurang upaya, namun cadangan dikemukakan untuk memberi latihan kepada guru dan pihak yang berkenaan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru masih berdepan dengan masalah berkaitan dengan teori dan amali serta masalah kemahiran dalam mengajar sesuatu matapelajaran. Sarennder (2004), Yusof & Aminah (2008). Malah menurut Hasnalee, Tubah & Zulkipley (2000) tidak semua faktor demografi mempengaruhi kemahiran murid dalam pelajaran tetapi lebih kepada kepakaran guru menentukan kesediaan murid dan pencorakan gaya pengajaran di dalam bilik darjah.

Umum mengetahui, murid yang bermasalah dalam pembelajaran mengalami kadar pengekalan tumpuan yang sangat singkat dalam bilik darjah menjadikan kumpulan murid ini tidak mampu menerima pelajaran dengan kadar sepatutnya. Justeru, guru perlu bijak memikiran gaya pengajaran yang bersesuaian dengan minat dan kecenderungan murid. Ini kerana di dalam sesebuah kelas terdiri daripada murid yang mempunyai masalah berbeza maka tingkah laku, psikologi, perkembangan dan kemahiran murid juga adalah berbeza. Manissa & Norizza (2016), Siti (2015). Ini merupakan satu cabaran bagi guru-guru yang mengajar di kelas Pendidikan Khas dalam memilih gaya pengajaran dan medium penyampaian yang bersesuaian bagi memastikan objektif pengajaran dan pemudahcaraan tercapai. Sesuai dengan perubahan dunia, guru perlu

mengurangkan pengajaran yang terlalu berbentuk tradisional dengan menyelitkan pembelajaran yang lebih interaktif dan bersesuaian dengan masalah murid dalam bilik darjah bagi membantu murid berkenaan mencapai objektif pengajaran pada hari berkenaan. Melalui aktiviti individu atau kerja berpasukan, guru boleh mempelbagaikan kandungan tugas murid yang mempunyai kecerdasan yang pelbagai. (Salend, 2005 & Lawrence-Brown, 2004 & Tomlinson, 1999). Namun, kajian Siti (2015) terhadap guru Pendidikan Khas di Pulau Pinang mendapati tahap penggunaan ICT mereka adalah pada tahap sederhana dan terdapat hubungan dengan bidang ikhtisas, kehadiran kursus, umur, sikap, tujuan dan kemahiran ICT. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempunyai hubungan perlu diberi perhatian dalam merangka program-program untuk meningkatkan tahap penggunaan ICT guru Pendidikan Khas.

## **1.2 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan dan kemahiran guru tahap 1 di sekolah pedalaman dan bagaimana guru-guru ini dalam menangani kepelbagaian murid pendidikan khas. Ini termasuklah merungkai permasalahan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN:**

1. Mengenalpasti tahap kesedaran guru-guru Tahun 1 terhadap kepelbagaian murid berkeperluan khas dalam bilik darjah.
2. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap kepelbagaian murid dalam pendidikan khas.
3. Mengenalpasti kebolehan guru mengesan murid berkeperluan khas dalam kalangan murid Tahun 1.
4. Mengenalpasti tahap kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah inklusif.
5. Melihat hubungan dan perbezaan cabutan dari maklumat demografi dengan kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran guru.


#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

1. Sejauhmanakah tahap kesedaran guru-guru Tahun 1 terhadap kepelbagaian murid berkeperluan khas dalam bilik darjah?
2. Sejauhmanakah tahap pengetahuan guru terhadap kepelbagaian murid dalam pendidikan khas?
3. Sejauhmanakah kebolehan guru mengesan murid berkeperluan khas dalam kalangan murid Tahun 1?
4. Sejauhmanakah tahap kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah inklusif?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran di kalangan guru tahun 1 dari 3 kategori zon pedalaman daerah Kapit?
6. Apakah faktor-faktor yang signifikan menyumbang kepada tahap kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran?

#### **1.5 HIPOTESIS KAJIAN**

1. Terdapat hubungan yang signifikan diantara tahap pengetahuan guru dengan kebolehan guru mengesan kepelbagaian murid.
2. Tahap pengetahuan guru mempengaruhi kebolehan guru melaksanakan kelas insklusif.

## 1.6 KERANGKA KONSEPTUAL



**MODEL KECEKAPAN PENGURUSAN DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Tahap Kecekapan Pengurusan dan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Sumber: Fessier & Christensen (1992), Eraut (1994) dan Mohammad Sani

## **1.7 BATASAN KAJIAN**

Seperti di dalam kerja-kerja penyelidikan yang lain, kajian ini juga mempunyai beberapa batasan. Batasan-batasan tersebut adalah seperti berikut:-

### **1.7.1 Skop Kajian**

Kajian ini hanya berfokus kepada tahap pengetahuan dan kemahiran guru tahap 1 dan bagaimana mereka menangani permasalah kepelbagaian murid di pendidikan khas termasuklah gaya pengajaran dan penyampaian pdpc di dalam kelas.

### **1.7.2 Lokasi kajian**

Kajian ini dibataskan di sebuah daerah sahaja, iaitu melibatkan 45 buah sekolah di bawah Pejabat Pelajaran Daerah Kapit, Sarawak.

### **1.7.3 Batasan populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian terdiri daripada 350 orang guru Tahun 1 di 45 buah sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Kapit. Hanya 219 orang guru mewakili 45 buah sekolah telah dipilih sebagai mewakili populasi keseluruhan dan responden ini dipilih secara rawak berkelompok.

### **1.7.4 Hasil data**

1. Segala data dan maklumat diperolehi sepenuhnya hasil kerjasama dan kejujuran responden dalam mengisi borang soal selidik. Keputusan kajian adalah semata-mata berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Kefahaman responden dalam menjawab soal selidik adalah di luar kawalan pengkaji. Sekiranya berlaku salah tafsir oleh responden terhadap soal selidik (item), ianya akan mempengaruhi rumusan atau keputusan yang akan dibuat.
2. Keputusan kajian adalah semata-mata berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang telah dipilih secara rawak berkelompok. Oleh itu, dapatan kajian adalah hanya sesuai untuk populasi kajian sahaja.

## **1.8 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini melihat kepada tahap pengetahuan guru dan kemahiran guru pendidikan khas dalam menangani *diverse learner* ataupun kepelbagaiannya murid pendidikan khas. Selain itu, pengenalpastian faktor kekuatan dan kelemahan ini secara tidak langsung akan membolehkan kita mencadangkan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan khas secara amnya. Penyenaraian kursus yang diperlukan oleh responden juga membantu merancang latihan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan responden.

## **1.9 DEFINISI OPERASIONAL**

Bahagian ini menerangkan definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian. Definisi-definisi yang digunakan ini sebahagiannya berdasarkan kepada definisi yang dirujuk daripada kajian lepas dan tidak mengambil kira maklumat yang timbul berdasarkan dapatan kajian.

### **1.9.1 Guru**

Guru dalam konteks kajian ini bermaksud ialah tenaga pengajar yang telah mengikuti sijil perguruan, diploma pendidikan dan ijazah dari maktab-maktab dan universiti, dilantik oleh KPM untuk berkhidmat di sekolah. Guru dalam kajian ini merujuk kepada golongan yang berkhidmat untuk mendidik di sekolah-sekolah rendah kerajaan. Dalam konteks kajian ini, guru yang dimaksudkan adalah guru yang mengajar Tahap 1

### **1.9.2 Pengetahuan**

Pengetahuan dalam kajian ini merujuk kepada tahap kebolehan, kecekapan, kompetensi serta kemampuan seseorang guru. Selain itu juga pengetahuan ini merujuk kepada profesionalisme guru serta latihan ikhtisas ataupun latihan yang berkaitan dengan bidang yang dikaji iaitu pendidikan khas

### **1.9.3 Kepelbagaian Pelajar**

Kepelbagaiaan pelajar ini merujuk kepada kebolehan pelajar yang pelbagai aras kecerdasan dan kecenderungan. Kelbagaian dalam konteks kajian ini juga melibatkan perbezaan dari segi latar belakang, budaya, bangsa dan agama.

### **1.9.4 Pendidikan Khas**

Pendidikan Khas merupakan pendidikan untuk golongan yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian disebabkan kekurangan, samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Golongan khas ini juga dikenali sebagai golongan orang kurang upaya (OKU).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan, sama ada ianya berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Definisi ini lebih jelas menerangkan kepelbagaian jenis ketidak upayaan yang dialami oleh inividu sama ada dari segi fizikal ataupun mental.

### **1.9.5 Sekolah Pedalaman Sarawak**

Sekolah pedalaman disini adalah sekolah yang terletak di kawasan pedalaman di Negeri Sarawak. Dalam konteks kajian ini merujuk kepada sekolah yang terletak di pedalaman Kapit yang terdiri daripada 45 buah sekolah.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

### **Kepelbagaian Murid (Diverse Learner)**

Research Center on Academic Success (CRIES) mendefinisikan pencapaian akademik sebagai pencapaian individu pada tahap tertentu yang diperoleh dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang telah dilalui serta kemampuan berkaitan dengan aspek pendidikan, kelayakan dan sosialisasi. Dalam sesebuah bilik darjah, pencapaian akademik bagi setiap murid adalah berbeza. Terdapat murid yang sering mendapat markah tertinggi dalam ujian setiap mata pelajaran dan sebaliknya. Murid yang memperoleh pencapaian tinggi dalam peperiksaan dikatakan sebagai pandai atau cerdas,

manakala murid yang berpencapaian rendah dalam akademik dianggap murid lemah. Melihat kepada konteks murid pendidikan khas di Malaysia, individu berkeperluan khas yang berada dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti Disleksia, Autisme, Perkembangan Lewat, Hiperaktif dan sebagainya. Murid ini berdepan dengan masalah yang pelbagai dan ini memerlukan kaedah rawatan yang juga pelbagai. Oleh itu, Tomlinson (1999) mencadangkan guru mengayakan pembelajaran yang pelbagai bagi meneruskan kelangsungan pengajaran dalam bilik darjah sekaligus mengelakkan murid berkenaan terus tercicir dalam pelajaran.

Dalam situasi ini, seseorang guru seharusnya perlu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi aspek pencapaian akademik di kalangan murid. Setelah mengenal pasti faktor-faktor tersebut, guru boleh mengambil langkah-langkah bernes dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid-murid yang mempunyai pencapaian akademik yang berbeza agar semua murid dapat meningkatkan atau memperbaiki tahap pencapaian akademik mereka. Walau bagaimanapun, dalam bilik darjah guru sering tidak mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kemampuan individu tetapi mengajar secara kelas yakni keseluruhan. (Lynch & Adams 2008) sedangkan yang perlu dilakukan adalah murid ini perlu dibahagikan kepada kumpulan dan pentaksiran dalam bilik darjah itu perlu diubah suai kepada dua atau tiga tahap (Tomlinson 1999). (Lawrence-Brown 2004) dan (Salend 2005). Ini bermakna, murid yang berada dalam bilik darjah perlu diajar secara inklusif dengan memberi bimbingan kepada khusus kepada murid yang masih lemah bagi memastikan hak murid berkenaan dalam menimba ilmu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas tidak ketinggalan.

Di samping itu, guru perlu mengurangkan pengajaran yang terlalu berbentuk tradisional dan menyelitkan pembelajaran yang lebih interaktif dan bersesuaian dengan masalah murid dalam bilik darjah bagi membantu murid berkenaan mencapai objektif pengajaran pada hari berkenaan. Melalui aktiviti individu atau kerja berpasukan, guru boleh mempelbagaikan kandungan tugas murid yang mempunyai kecergasan yang pelbagai. (Salend, 2005 & Lawrence-Brown, 2004 & Tomlinson, 1999).

Mengikut Statistik Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, sebanyak 600 buah sekolah kurang murid di Sarawak, 450 daripadanya adalah kategori sekolah yang mempunyai murid yang kurang daripada 150 orang manakala selebihnya adalah murid seramai 50 orang. Situasi ini berlaku apabila ramai dalam kalangan masyarakat di kawasan pedalaman mula keluar dari kepompong ceruk pedalaman untuk berhijrah ke bandar bagi mencari rezeki menyebabkan bilangan murid di pedalaman semakin berkurangan saban hari. Namun begitu, sesi persekolahan perlu dijalankan seperti biasa. Hal ini kerana sekolah yang terletak di kawasan pedalaman agak jauh ketinggalan dari segi insfrastruktur menyebabkan sekolah di kawasan bandar menjadi pilihan. Walau bagaimanapun, sesi persekolahan masih perlu diteruskan seperti biasa walaupun bilangan murid yang sedikit kemudahan insfrastruktur agak kurang menyebabkan penyediaan kelas melibatkan murid berkeperluan khas tidak dapat diwujudkan. Oleh itu, murid berkeperluan khas ini melalui pendidikan di dalam kelas arus perdana yang biasa.

Oleh hal yang demikian, guru perlu menyediakan pembelajaran yang mempunyai aras yang pelbagai memandangkan murid yang berkeperluan khas ini terpaksa mengikuti kelas di arus perdana dan sesi pembelajaran itu berlaku secara normal. Mereka tidak mempunyai kebolehan bagi mengikuti pelajaran secara formal seperti murid-murid lain. Justeru, mereka tidak mempunyai kebolehan untuk maju secara normal di sekolah. Prestasi mereka menunjukkan mereka tidak ada kebolehan bergerak secara normal dalam kerja-kerja sekolah. Mereka tidak dapat membantu kerja-kerja kelas yang sesuai dengan umur mereka. Jika dibandingkan dengan murid lain dalam lingkungan umur yang sama, mereka menunjukkan kelemahan yang nyata dalam pelajaran.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada Oktober 2011 bagi mengkaji sistem pendidikan negara secara menyeluruh demi untuk meningkatkan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke 21. PPPM melalui tiga Fasa iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2020-2025) menyediakan pendidikan terbaik untuk semua murid termasuk MBK. Murid-murid yang lemah ini juga tidak mengikuti program *outreach* sebagaimana yang sepatutnya berlaku kerana kekangan ekonomi. Sekiranya mereka dilaporkan, maka mereka bolehlah belajar dalam kelas pendidikan khas yang mempunyai kurikulum pengajaran yang tersendiri. Sekiranya murid berkeperluan khas menunjukkan prestasi yang agak baik maka murid

ini juga boleh mengikuti program pendidikan inklusif yang merupakan satu program yang ditawarkan kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama untuk menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan. Dengan ini, murid berkenaan mampu terlibat secara aktif aktiviti berunsur sosial dan akademik di sekolah dan di dalam komuniti dengan memberi ruang dan peluang kepada semua murid. Justeru, pelaksanaan PPI juga memberi hak kepada semua murid termasuk murid berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan. (Zalizan, 2010).

### **Tahap Pengetahuan Guru dan Latihan Guru**

Umum mengetahui bahawa guru yang kurang pengetahuan tentang murid berkeperluan khas akan kurang perihatin terhadap golongan ini. Berdasarkan kajian (Supiah Saad , 2003) hanya 12 peratus (1/8) guru prasekolah aliran perdana memahami definisi pendidikan inklusif malah tidak ada seorang pun daripada 28 orang guru aliran perdana yang ditanya dapat memberi maksud pendidikan inklusif dan pendidikan khas dengan tepat. Selain itu, dalam temubual interaksi sosial Supiah Saad Januari 2004 hingga Jun 2005 mendapati bahawa kesemua 12 orang guru aliran perdana yang ditemui secara tidak terancang dalam situasi dan masa yang berasingan tidak faham maksud '*special education*' atau pendidikan khas. Mereka faham singkatan OKU (orang kurang upaya) tapi bila ditanya lebih lanjut tentang kanak-kanak OKU, 'buta dan pekak' adalah golongan OKU yang mereka tahu. Pengetahuan guru terhadap masalah pembelajaran spesifik adalah ditahap yang minimum kerana hanya berjaya menyatakan definisi dan ciri-ciri di tahap yang minimum. (Liyana, Fatihah, Khuzaiton, 2012).

Keberkesanan proses pdpc guru juga bergantung kepada minat, pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang. Ini kerana pengetahuan yang luas mengenai matapelajaran akan membantu guru mengenalpasti aspek pembelajaran murid. Abdul, Ahmad Jamaludin & Musa (J1), Kauchak & Enggan (1989). Dalam kajian Abdul, Ahmad Jamludin & Musa (J1) tahap pengetahuan guru, minat, kemahiran guru di 42 buah sekolah di Pontian adalah ditahap yang sederhana iaitu 59.07% sahaja. Malah 69.97 % daripada responden juga mengakui bahawa faktor yang paling dominan dalam kelancaran dan keberkesanan pdpc adalah tahap pengetahuan dan kemahiran guru. Kajian ini turut menyokong kajian Crow & Craw (1993) yang mendapati bahawa guru yang efektif adalah bergantung kepada minat dan pengetahuan mereka dalam subjek yang

diajar. Malah Crow & Craw (1993) juga mendapati 64.97% bersetuju pengetahuan guru dalam bidang akan mempengaruhi pengajaran dan penguasaan murid.

Merungkai kesediaan guru perdana menjalankan pendidikan khas, guru di perdana telah bersedia untuk menjalankan kelas inklusif, Airil & Intan (2010), Norliah & Mohd Hanafi (2016), malah 64.10% guru perdana bersedia menjalankan kelas inklusif dan mereka beranggapan bahawa kursus pendedahan akan dapat membantu menjalankan pdpc dengan lebih terancang dan tersusun. Norliah & Mohd Hanafi (2016).

### **Pendedahan Pendidikan Khas**

Perlaksanaan kelas inklusif di Malaysia juga sering mengalami halangan kerana sikap negatif guru kelas perdana terhadap pendidikan berkenaan. Haniz (1998) & Khairunisa (2004) malah, kita juga mendepani masalah *miss conceptualization between the term of disabilty and lack of motivation among the educator*. Mohammad & Alfa (J6). Kekeliruan terhadap murid berkeperluan khas ini melibatkan guru yang belum pernah mendengar dan mengetahui tentang pendidikan khas. Kegagalan guru dalam memahami konteks ini menyebabkan wujudnya unsur stigma dan streotaip yang membuatkan guru dikelas perdana tidak memberi ruang yang sama kepada murid yang dikatakan bermasalah ini dalam pembelajaran. Haniz (1998), Khairunisa (2004), Mohammad & Alfa (2016).

Oleh yang demikian penerimaan guru aliran perdana kepada murid MBK yang belum didiagnosis lebih positif berbanding murid yang sudah di label dengan sesuatu masalah. Kesan *Labelling* ke atas MBK adalah ketara dalam pelaksanaan pendidikan inklusif. (Khairunisa, 2004) Ini juga turut memberi kesan kepada pelaksanaan pdpc guru yang melibatkan murid MBK. Justeru, pendedahan awal bukan sahaja memberi hak kesamarataan dalam mendapat pendidikan tetapi turut mengambil kira aspek kemanusian. (*greatly one academic achievement as well human development*). Mohammad & Alfa (2016) malah pengisian matapelajaran pengajian guru kini perlu diperhalusi dengan memberi pendedahan kepada semua guru untuk mengenalpasti kepelbagaiannya murid dan murid yang masalah pembelajaran. Zalizan (2010). Hal ini kerana, 60 % guru tidak pernah mengikuti kursus mengendalikan pendidikan inklusif menyebabkan guru mengajar secara *teach a-whole*. Norliah & Mohd Hanafi (2016).

Oleh demikian, revolusi pendidikan khas di Malaysia sepetimana dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) adalah menekankan dua pokok utama iaitu memartabatkan pendidikan khas dan mencapai sasaran untuk memberi pendedahan kepada semua guru tentang pendidikan inklusif menjelang tahun 2022.

### **Kajian Luar Negara**

Teknik pengajaran yang menggunakan pelbagai aras di dalam satu kelas telah dibuktikan berjaya di luar negara. Kajian Gkouni, Paparoussi & Andreou (2011) terhadap murid masalah pembelajaran di Greece membuktikan peningkatan 27% kosa kata murid selepas mengikuti pembelajaran inklusif selama 45 minit. Walaubagaimanapun, isu kurang pendedahan terhadap pendidikan khas juga berlaku di Hong Kong dimana hanya 16 % guru yang mempunyai pengetahuan mengenai murid bermasalah sebaliknya 67 % hanya menerima sedikit pendedahan. Malah, 70% daripada guru yang kurang pendedahan ini adalah mereka yang telah berkhidmat 6 tahun. Chin, Wing, Chirs & Fuk (2017). Bagi Patricia, Virginia & Chriss (2002), pembelajaran inklusif memang berkesan membantu murid di Virgania, namun perlu diperhalusi dari segi pengendalian bilik darjah, kesediaan guru dan penilaian program.

## **3.0 METHODOLOGI**

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Rekabentuk Kajian ini adalah merupakan kajian tinjauan (*survey*) dengan menggunakan kaedah *convienience sampling* iaitu kaedah kuantitatif.

### **3.2 Populasi Kajian**

Populasi kajian ini adalah guru-guru yang mengajar murid Tahap 1 di sekolah rendah dalam daerah Kapit. Sekolah-sekolah di Kapit dibahagikan kepada 4 zon kategori, iaitu; i. Pekan, ii. Pedalaman 1 (P1), iii. Pedalaman 2 (P2), iv. Pedalaman 3 (P3). Pemilihan sampel adalah menggunakan teknik persampelan rawak berstrata mengikut kategori zon sekolah. Saiz sampel akan ditentukan bilangannya berdasarkan kepada 95% sela keyakinan (*confident interval*), 5% ralat margin (margin of error). Berdasarkan bilangan populasi adalah 350 orang anggaran sebanyak 184 sampel diperlukan untuk saiz sampel.

Pemilihan zon sekolah pedalaman di Kapit adalah berdasarkan pekeliling perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 5 tahun 2014. Pembahagian zon P1 sehingga P3 adalah berdasarkan tahap kemudahan infrastuktur yang berikut:

- 1- Bilangan mod kenderaan untuk sampai dan kos yang terbabit
- 2- Risiko perjalanan
- 3- Sumber air
- 4- Sumber elektrik
- 5- Kediaman
- 6- Sanitasi
- 7- Komunikasi
- 8- Kemudahan kesihatan dan perkhidmatan
- 9- Kemudahan lain seperti bank, pejabat pos dan bekalan bahan api

### **3.3 Method Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data kuantitatif adalah menggunakan borang soal-selidik yang diedarkan kepada 184 orang guru dari 45 buah sekolah di Daerah Kapit. Manakala pengumpulan data kualitatif adalah menggunakan temubual kumpulan berfokus (*focus group interview*). Sebanyak empat buah kumpulan berfokus akan dibuat berdasarkan kepada empat zon yang telah dipilih.

### **3.4 Instrumen**

Dua set instrumen akan dibina bagi mencapai objektif kajian ini.

i. Borang soal-selidik yang terdiri dari:

- a) Maklumat Demografi
- b) Konstruk Kesedaran
- c) Konstruk Pengetahuan
- d) Konstruk Kemahiran

ii. Set soalan temu bual.

### **3.5 Analisis Data**

Analisis data adalah menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif yang akan digunakan adalah, peratusan, perbandingan min, *cross-tabulation table*. Analisis statistik inferensi yang akan digunakan ialah, Ujian Khi kuasa dua, Ujian t tidak bersandar, Ujian Anova dan Regresi berganda (*multiple regression*) dengan aras signifikan  $\alpha=0.05$ .

### **3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Bagi mencapai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi untuk kajian ini, perkara berikut akan dilakukan:

- i. Pembinaan item-item dari pakar-pakar pendidikan khas dan pakar pengukuran.
- ii. Kajian rintis dijalankan bagi menguji kesesuaian item dan anggaran indeks kebolehpercayaan ( $>0.7$ )
- iii. Item selepas pemurnian akan digunakan sebagai intrumen kajian sebenar.

### **3.7 Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kesesuaian item dan anggaran kebolehpercayaan bagi kajian rintis adalah ( $>0.7$ ). Dapatkan kajian rintis adalah seperti di **Lampiran 1**.

### **3.8 Etika Pengumpulan Data**

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah mengikut prosedur-prosedur berikut::

- a) Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- b) Mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak.
- c) Berjumpa dengan Pegawai Pendidikan yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian.
- d) Memberikan soal selidik kepada responden di 45 buah sekolah.

## **4.0 DAPATAN KAJIAN**

### **A. Maklumat demografi**

#### **1. Jantina**

Jadual 1.1 Dapatan mengikut jantina

**Jantina**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Lelaki	108	49.3	49.3	49.3
Perempuan	111	50.7	50.7	100.0
Total	219	100.0	100.0	

Dalam kajian ini, sebanyak 250 soal selidik telah diedarkan dan seramai 219 responden telah mengembalikan soal selidik dan responden ini mewakili 45 buah sekolah dimana, 108 orang (49.3%) lelaki dan 111 orang (50.7%) adalah perempuan.

#### **2. Pengalaman Mengajar Tahap 1**

Jadual 1.2 Pengalaman mengajar Tahap 1

**Pengalaman mengajar Tahap 1(Tahun 1-3)**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid kurang dari 3 tahun	92	42.0	44.0	44.0
4 - 6 tahun	54	24.7	25.8	69.9
7 - 10 tahun	28	12.8	13.4	83.3
lebih dari 10 tahun	35	16.0	16.7	100.0
Total	209	95.4	100.0	
Missing System	10	4.6		
Total	219	100.0		

Dapatan pengalaman mengajar menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah dalam kalangan guru mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada tiga tahun iaitu mewakili 42.0% sementara guru mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun merupakan kumpulan

yang paling rendah itu hanya 16.0%. Ini berkemungkinan guru terlibat menjadi responden dalam kajian ini kebanyakannya adalah terdiri daripada guru-guru baharu berkhidmat di sekolah.

### 3. Pengkhususan Guru

Jadual 1.3 Pengkhususan guru

**Pengkhususan**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Pendidikan Khas	6	2.7	2.7	2.7
Bukan Pendidikan Khas	213	97.3	97.3	100.0
Total	219	100.0	100.0	

Berdasarkan dapatan ini, kebanyakkan guru yang terlibat dalam kajian adalah bukan guru pendidikan khas iaitu 213 orang mewakili 97.3% dan hanya 6 orang sahaja guru pendidikan khas iaitu 2.7 % terlibat dalam kajian. Hal ini kerana sekolah yang ada menawarkan kelas pendidikan khas di daerah ini hanya 3 buah daripada 45 buah sekolah keseluruhannya.

### 4. Kelayakan akademik guru

**Kelulusan akademik tertinggi**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid SPM/SPVM	8	3.7	3.7	3.7
STPM	2	.9	.9	4.6
Diploma	9	4.1	4.1	8.7
Ijazah Sarjana Muda	188	85.8	85.8	94.5
Ijazah Sarjana Total	12	5.5	5.5	100.0
	219	100.0	100.0	

Berdasarkan kelayakkan akademik, kelayakan yang paling dominan adalah diperingkat Ijazah 188 orang kemudian diikuti oleh Ijazah Sarjana 12 orang manakala hanya 10 orang guru masih diperingkat SPM dan STPM sementara peringkat Diploma melibatkan 9 orang. Dasar kerajaan

dalam program pensiswazahan guru membawa kepada bilangan guru yang diperingat Ijazah Sarjana Muda menjadi lebih dominan.

### 5. Pernah Mengikuti Kursus Pendidikan Khas

**Pernah Mengikuti Kursus/Latihan Pendidikan Khas**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Ya	13	5.9	5.9	5.9
Tidak	206	94.1	94.1	100.0
Total	219	100.0	100.0	

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti guru Tahap 1 iaitu (94.1%) orang di Kapit tidak pernah mengikuti sebarang kursus ataupun latihan melibatkan pendidikan khas. Manakala bilangan pernah mengikuti kursus adalah sedikit iaitu hanya 13 orang (5.9%). Jika bilangan yang pernah mengikuti ini ditolak daripada guru pengkhususan sebanyak 6 orang, ini membawa maksud bahawa hanya 7 orang guru bukan pengkhususan Pendidikan Khas pernah menerima pendedahan berkenaan dengan pendidikan khas.

#### a. Pernah mengajar kelas insklusif

**Pernah mengajar kelas insklusif**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Ya	8	3.7	3.7	3.7
Tidak	211	96.3	96.3	100.0
Total	219	100.0	100.0	

Dapatan kajian menunjukkan seramai 211 orang atau 96.3% guru di daerah ini belum pernah mengajar kelas inklusif kerana hanya 8 orang sahaja guru mempunyai pengalaman mengajar kelas tersebut. Ini bermaksud, pembudayaan ataupun perlaksanaan kelas inklusif belum popular di sekolah-sekolah di kawasan kajian.

b. Lokasi Sekolah

**Lokasi Sekolah**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Pekan Kapit	76	34.7	34.7	34.7
Pedalaman 1	35	16.0	16.0	50.7
Pedalaman 2	21	9.6	9.6	60.3
Pedalaman 3	87	39.7	39.7	100.0
Total	219	100.0	100.0	

Dapatan kajian melibatkan responden mengikuti lokasi sekolah adalah lebih tinggi bagi sekolah pedalaman 3, 87 orang responden kerana bilangan sekolah di pedalaman 3 adalah lebih banyak iaitu melibatkan 32 buah sekolah. Walaubagaimanapun, responden di sekolah Kapit menjadi kedua tertinggi walaupun hanya 8 buah sekolah sahaja namun sekolah di pekan mempunyai populasi guru yang lebih ramai kerana sekolah di kawasan pekan merupakan yang mempunyai ramai murid.

**Kebolehan guru mengenalpasti murid MBK**

**Kebolehpercayaan Instrumen**

1. Terdapat 12 item yang digunakan dalam mengukur tahap kesedaran MBK dilakangan guru-guru.
2. Indeks Kebolehpercayaan Cronbach's alpha ialah 0.700

**Reliability Statistics**

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.700	.723	12

**Statistik deskriptif instrumen kesedaran MBK.**

	Mean	Std. Deviation
1. Saya akan memberi latihan tambahan kepada pelajar yang tidak menguasai apa yang diajar.	4.2192	.78249
2. Saya akan mempelbagaikan aktiviti pengukuhan di dalam kelas	4.2740	.57294
3. Saya menyediakan kandungan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang berlainan mengikut pencapaian murid-murid	3.5023	1.04212
4. Murid-murid tahun 1 di sekolah saya melepas (lulus) ujian saringan Linus 1	2.7032	1.01301
5. Murid-murid menunjukkan reaksi gembira apabila saya membuat jenaka	4.3288	.54322
6. Murid-murid akan cuba menyiapkan tugas yang saya berikan	4.0868	.66826
7. Murid-murid saya aktif dalam aktiviti pengajaran di bilik darjah.	4.0822	.57677
8. Semua murid sekolah saya mematuhi peraturan dalam buku disiplin	3.3973	.97782
9. Saya akan menegur perbuatan mengejek dalam kalangan murid.	4.4247	.59627
10. Saya boleh mengenalpasti emosi murid-murid melalui ekspresi wajah mereka.	4.0868	.59567
11. Murid-murid yang merajuk perlu dipujuk untuk meneruskan pembelajaran	3.6393	.89469
12. Saya peka terhadap perubahan emosi murid-murid	4.0320	.61620

Nilai min yang paling rendah adalah item yang ke-4 melibatkan perkara berhubung dengan saringan LINUS. Ini menunjukkan bahawa senario bahawa murid-murid di Tahap 1 di kawasan kajian masih ramai yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik selepas 6 bulan mengikuti pembelajaran di Tahun 1.

### **Kekerapan Skor Guru Menjawab Soalan Dengan Betul**

Soal selidik ini meliputi ujian mengenalpasti ciri-ciri murid berkeperluan khas. Guru menjawap 10 item yang menanyakan ciri-ciri murid berkeperluan khas.

**Bilangan item yang dijawab betul**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Skor	2.00	5	2.3	2.3	2.3
	3.00	3	1.4	1.4	3.7
	4.00	7	3.2	3.2	6.8
	5.00	14	6.4	6.4	13.2
	6.00	36	16.4	16.4	29.7
	7.00	44	20.1	20.1	49.8
	8.00	37	16.9	16.9	66.7
	9.00	49	22.4	22.4	89.0
	10.00	24	11.0	11.0	100.0
	Total	219	100.0	100.0	

Berdasarkan data di atas menunjukkan bilangan skor yang paling banyak adalah 9 dimana 49 orang responden dapat menjawab dengan betul diikuti 44 orang dengan skor 7 dan 37 orang bagi skor 8.

### **Rumusan Mengenalpasti Ciri-ciri MBK**

**Mencapai Tahap Mastery**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak	109	49.8	49.8	49.8
	Ya	110	50.2	50.2	100.0
	Total	219	100.0	100.0	

Dalam kajian ini, pengkaji meletakkan menjawab 8 hingga 10 soalan dengan tepat adalah mencapai tahap masteri. Justeru, bagi konstruk pengenalpastian ciri-ciri murid berkeperluan khas, dapatan kajian telah menunjukkan seramai 110 orang guru (50.2%) guru yang telah mencapai tahap masteri, manakala 49.8% (109) guru tidak mencapai tahap masteri.

	1.Kerap Melanggar meja	2.Kerap bertanya soalan	3.Kurang Tumpuan	4.Paras muka dan fizikal	5.Kerap tertukar huruf	6.Tiada hubungan mata	7.Membaca dengan dekat	8.Mudah marah	9.Tiada toilet training	10.Tidak mengenal abjad
Slow Learner	3.2	36.1	12.3	2.3	5.9	3.7	2.7	1.4	15.5	65.3
ADHD	10.0	3.7	55.7	.9	3.7	11.0	.5	34.2	16.0	.5
Dyslexia	2.7	2.7	5.9	1.4	82.2	4.6	3.7	1.8	6.8	23.3
Autisma	3.2	5.5	21.0	5.0	3.2	51.6	1.4	47.9	30.1	5.5
Syndrome Down	1.4	1.4	1.4	89.5	1.8	6.8	.5	12.3	27.9	2.3
Masalah Penglihatan	77.6	0.5	.9	.9	3.2	19.2	90.4	1.4	2.3	2.3
Masalah Pendengaran	1.8	50.2	2.7	-	-	3.2	.9	.9	1.4	.9

Berdasarkan jadual di atas, item yang paling sukar untuk responden adalah item nombor 3, 6 dan 9. Secara kesimpulannya, guru mudah mengenalpasti ciri-ciri murid berkeperluan khas (MBK) berdasarkan fizikal, tetapi sukar untuk mengesan ciri-ciri murid MBK yang bersifat mental dan emosi.

### **Keyakinan guru dalam menentukan tahap kemahiran mereka dalam melaksanakan pdp MBK**

**Reliability Statistics**

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.886	.886	10

Terdapat 10 item yang mengukur tahap kemahiran guru dan indeks kebolehpercayaan instrumen ialah cronbach's alpha = 0.886

### **3. Deskriptif statistik item**

	Mean	Std. Deviation
1. Mengenal pasti Murid Berkeperluan Khas (MBK)	2.9178	.85810
2. Proses mencalonkan Murid Berkeperluan Khas (MBK)	2.7443	.86119
3. Proses merujuk kepada pakar perubatan untuk proses pengesahan	2.8311	.85335
4. Membuat penilaian ‘Curriculum Based Assessment’ untuk Murid Berkeperluan Khas	2.6164	.80646
5. Melaksanakan Saringan	3.0365	.88231
6. Melaksanakan Diagnostik	2.9498	.88941

7. Pengajaran kelas dengan murid berbagai	3.2877	.85905
8. Pengajaran kumpulan dengan murid berbagai	3.3516	.85651
9. Pengajaran individu	3.5525	.82436
10. Penyediaan rancangan pengajaran individu	3.3196	.88728

Berdasarkan jadual di atas, nilai min yang terendah adalah bagi item ke-4 melibatkan penilaian murid di dalam kelas bagi murid berkeperluan khas manakala yang paling tinggi melibatkan kemahiran guru membuat pengajaran individu.

#### **Rumusan Skor Mean Total Keyakinan Kemahiran Guru dalam melaksanakan MBK.**

**Summary Item Statistics**

	Mean	Minimum	Maximum	Rang e	Maximum / Minimum	Variance	N of Items
Item Means	3.061	2.616	3.553	.936	1.358	.092	10

Secara keseluruhannya, data adalah positif dengan nilai maksimum perbezaan maksimum dengan minimum adalah 1.358 dengan nilai min ialah 3.061.

**Bahagian D: Perbandingan tahap kesedaran terhadap MBK mengikut maklumat demografi.**

**Tahap Kesedaran berdasarkan Jantina**

Jantina	Mean	N	Std. Deviation
Lelaki	3.9722	108	.37163
Perempuan	3.8258	111	.35078
Total	3.8980	219	.36778

Daripada jumlah 219 responden nilai min bagi lelaki adalah lebih tinggi daripada nilai min perempuan.

**Pengalaman mengajar Tahap 1 (Tahun 1-3)**

Pengalaman mengajar Tahap 1(Tahun 1-3)	Mean	N	Std. Deviation
kurang dari 3 tahun	3.8043	92	.33366
4 - 6 tahun	3.9614	54	.38571
7 - 10 tahun	3.9911	28	.37907
lebih dari 10 tahun	3.9286	35	.39251
Total	3.8907	209	.36965

Bagi tahap kesedaran berdasarkan pengalaman bekerja, skor min bagi kurang daripada tiga tahun pengalaman adalah yang terendah manakala skor min yang tertinggi adalah melibatkan pengalaman diantara 7 hingga 10 tahun.

## **5.0 PERBINCANGAN**

Secara keseluruhannya, guru di pedalaman mempunyai sikap yang positif terhadap murid berkeperluan khas. Walaubagaimanapun, berdasarkan dapatan kajian hanya sebilangan kecil sahaja guru pernah mendapat pendedahan kepada pendidikan khas dan bilangan guru yang berpengalaman dalam melaksanakan pendidikan inklusif adalah sangat sedikit. Ini selaras dengan kajian Norliah & Hanafi (2016) di mana guru belum mendapat pendedahan yang menyeluruh berkenaan dengan pendidikan inklusif. Malah dalam kajian Nadhir & Alfa (2016), juga menyebut bahawa guru masih belum mendapat pendedahan mengenai pendidikan khas kerana masih ramai lagi guru belum mendapat pendedahan dan latihan melibatkan pendidikan khas.

Oleh yang demikian, cadangan kajian Safani, Aisyah, Aini & Hanafi (2016), Aisyah & Safani (2014) yang menyatakan bahawa pendedahan awal perlu dilaksanakan sejak seawal pra sekolah oleh pelbagai pihak berkepentingan amatlah selaras dengan kajian ini. Hal ini kerana, keadaan demografi dan lokaliti sekolah di kawasan kajian yang terletak di pedalaman membawa kepada kesukaran untuk membawa murid membuat pemeriksaan doktor bagi tujuan pengesahan. Malah, bilangan sekolah yang menawarkan pendidikan khas kawasan kajian hanya terletak di kawasan pekan dan bilangannya sangat sedikit iaitu 3 buah sekolah sahaja. Justeru, keadaan ini menyulitkan murid untuk mendapat pendidikan yang sepatutnya sehingga murid yang mempunyai masalah pembelajaran terus belajar di kelas normal dan situasi ini ditambah pula dengan keadaan guru yang belum didekah dengan ilmu pedagogi dan latihan yang mencukupi menyebabkan murid ini berkemungkinan akan ketinggalan dalam pelajarannya.

Malah, kurang pendedahan kepada dunia pendidikan khas telah menghadkan pengetahuan guru dalam mengenalpasti ciri-ciri murid berkeperluan khas. Ini selari dengan kajian Sufean, Hwa, & Cheong (2012) Liyana, Fatihah & Khuziton (2013) dimana kurangnya pengetahuan guru mengenai pendidikan khas. Walaupun dalam dapatan kajian ini menunjukkan bilangan guru yang mencapai tahap masteri adalah lebih tinggi namun satu idikator yang perlu dipandang dari sisi lain adalah keupayaan guru mengenalpasti ciri-ciri ini adalah terhad kepada ciri-ciri yang

berbentuk fizikal. Oleh kerana, penterjemahan murid pendidikan khas membawa kepada ruang lingkup yang sangat luas, makanya guru mengalami masalah mengenalpasti murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran yang bukannya berbentuk fizikal. Justeru, ini selaras dengan kajian Mohammad & Alfa (2016) yang mendapati bahawa kurangnya pengetahuan mengenai ilmu pendidikan khas telah menyebabkan pemahaman guru lebih kepada stigma dan *stereotyping* sehingga membawa kepada *misconceptualization* di antara masalah pembelajaran dengan masalah motivasi.

## 5.1 Cadangan

Rumusan daripada dapatan kajian ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan melibatkan kajian lanjutan. Kajian seumpamanya ini boleh dijalankan di kawasan yang mempunyai kriteria yang sama seperti senario di kawasan lokasi kajian iaitu majoriti sekolah terletak di kawasan pedalaman 3. Bagi negeri Sarawak, kawasan yang telah dikenalpasti majoriti sekolahnya terletak di pedalaman adalah di daerah Song, daerah Belaga dan juga daerah Baram. Dengan membuat kajian di kawasan yang dicadangkan, maka dapatan kajian akan menjadi lebih menyeluruh iaitu melibatkan semua kawasan daerah yang majoritinya adalah sekolah di pedalaman 3 di negeri Sarawak.

Malah sekolah di Kepulauan Borneo iaitu melibatkan negeri Sabah juga boleh dilaksanakan kajian seumpama ini. Hal ini kerana, Sabah juga mempunyai bilangan sekolah yang terletak di kawasan pedalaman 3 yang tinggi. Dapatan kajian itu nanti akan membantu membuat perbandingan antara dua negeri ini juga dapat membantu memperlihatkan keperluan guru di dua negeri tersebut.

Selain itu, kajian ini juga boleh diadakan di sekolah di kawasan-kawasan bandar bagi melihat perbezaan di antara pengetahuan, kemahiran, latihan dan pendedahan di antara guru-guru di sekolah bandar dengan guru di kawasan pedalaman adakah ianya sangat ketara atapun sebaliknya.

Hasil daripada kajian ini juga turut mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah juga pihak berkepentingan untuk melaksanakan kursus pendedahan mengenai pendidikan khas kepada guru di kawasan pedalaman. Pendedahan ini juga meliputi latihan dan kemahiran mengenalpasti ciri-ciri MBK serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan menangani kecergasan murid yang

pelbagai. Malah, kursus seperti ini juga perlu dilaksanakan di peringkat Institut Perguruan mahupun di Universiti bagi kumpulan bakal guru. Ini selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menaikkan martabat pendidikan khas dan sejajar dengan seruan PPPM 2013 – 2025 yang menekankan kesamarataan akses kepada pendidikan yang berkualiti.

## **6.0 KESIMPULAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) telah meletakkan pendidikan khas dalam satu dimensi yang lebih ampuh dalam dunia pendidikan negara. Justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendidikan khas selaras dengan panggilan pendidikan untuk semua. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk dipenuhi terutamanya melibatkan pendedahan dan latihan kepada guru terutamanya melibatkan guru di luar bandar dan pedalaman. Dalam kita memperjuangkan kesamarataan hak dan akses kepada pendidikan, bukan sahaja aspek fizikal sekolah pedalaman yang perlu dititikberatkan malah kepakaran sumber manusia yang ada sistem pendidikan di sekolah pedalaman perlu dimantapkan.

Oleh itu, kerjasama semua pihak, tidak kira kementerian pendidikan itu sendiri, bahagian penggubal dan pelaksana polisi, ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya adalah penting untuk merealisasikan revolusi pendidikan yang mengangkat martabat pendidikan khas di negara ini.

## 7.0 RUJUKAN

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih.1998. Kuala Lumpur: International Law Books.
- Bakar, K. A., Tarmizi, R. A., Fauzi, A., Ayub, M. & Yunus, A. S. 2009. Effect of utilizing Geometer's Sketchpad on performance and mathematical thinking of secondary mathematics learners : An initial exploration 3(1).
- Burns, M. K., & Dean, V. J. (2005). Effect of acquisition rates on off- task behavior with children identified as giving learning disabilities. *Learning Disability Quarterly*, 28, 273 – 281
- Hasnalee Tubah; Zulkifly Hamid. 2011. Pengaruh Demografi Terhadap Kemahiran Membaca dan Memahami Dalam Kalangan Murid-Murid LINUS. *Jurnal Melayu*, (6), 29–47.
- Hussin, S., Quek, D. & Cheong, L. S. (n.d.). Policy into Practice : The Challenge for Special Education in 3–5.
- Jelas, Z. M. 2010. Learner diversity and inclusive education: A new paradigm for teacher education in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(2), 201–204. doi:10.1016/j.sbspro.2010.10.028
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lawrence- Brown, D. (2004). Differentiated instruction: Inclusive strategies for standards- based learning that benefit the whole Class. *American Secondary Education*. 32, 34 – 63.
- Lee, L. W. & Low, H. M. 2014. The evolution of special education in Malaysia. doi:10.1111/1467-8578.12048
- Liyana Ahmad Afip, N. F. H. & K. Z. 2013. Persepsi dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam Menghadapi Permasalahan Disleksia dalam Kemahiran Literasi. *Pusat Pengajian Bahasa*, 1–14.
- Liyana Ahmad Afip, N. F. H. & K. Z. 2013. Persepsi dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam Menghadapi Permasalahan Disleksia dalam Kemahiran Literasi. *Pusat Pengajian Bahasa*, 1–14.

Losius, Khairuddin, Rosy .2016 Kompetensi Peribadi, Pedagogi, Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Rendah Bahagian Barat dan Utara Sabah. Rendah, B., Barat, B., Utara, D. A. N. & Psikologi, F. 2016. Jurnal Pendidikan Nusantara, Edisi Khas Jun 2016, Universiti Teknologi Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Makassar. Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. 182–200.

Lynch, S. & Adams, P. 2008. Developing standards-based individualized education program objectives for students with significant needs. *Teaching Exceptional Children*, 40(3), 36–39. doi:10.1177/004005990804000303

Malaysian Education Blueprint (2013 – 2025)

Nadhir A.N Nasir, Alfa Nur Aini Erman Efendi 2016. Special education for children with disabilities in Malaysia: Progress and Obstacles. Proceedings Geografia Online Malaysia of Society and Space 12 issue 10 (78-87)

Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. 2016. Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2015. *International Conference on Special Education in Southeast Asia*, (January), 28–35.

Nur Aisyah & Safani Bari (2014) Early Intervention Among Student with SEN in Malaysia. Explore understanding among Pre School teacher toward Early intervention concept. Proceeding Internation Seminar of Postgraduate Special Education UKM – UPI – Seameo SEN 4th Series 2014

Rahmah Murshidi. 2005 Factors Associated With Sense Of Efficacy Among First Year Teachers In Sarawak.

Safani Bari, Aisyah. Nur Abdullah, Hanfi, Mohd. M. Yasin 2016. Early Intervention Implementation Preschool Special Education Student in Malaysia. International Journal For Innovation Education and Research. Vol 4 No -06,2016

Salend, S. J. 2005. Report Card Models That Support Communication and Differentiation of Instruction. *Teacher Development*, 37, 28–34.G. Eason, B. Noble, and I.N. Sneddon, “On certain integrals of Lipschitz-Hankel type involving products of Bessel functions,” *Phil. Trans. Roy. Soc. London*, vol. A247, pp. 529-551, April 1955. (references)Airil, H. M. & Intan. A. H (2011). A Disabling Education : The case of disabled learners in Malaysia. 2010. (October 2014), 37–41. doi:10.1080/09687590120070051

Salend, S. J. 2005. Report Card Models That Support Communication and Differentiation of Instruction. *Teacher Development*, 37, 28–34.

Tomlinson, C. A. (1999). The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners. Alexandria, VA:ASCD

- Tomlinson, C. A. (2000). Reconcilable Differences? Standards-Based Teaching and Differentiation Differentiation. *Educational Leadership*, 58(1), 6–11.
- Vassiliki, G., Marita, P. & Eleni, A. 2011. International Conference on Education and Educational Psychology (ICEEPSY 2011) The efficacy of teaching differentiation on children with Special Educational Needs (SEN) through Literature. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29, 67–74. doi:10.1016/j.sbspro.2011.11.207
- World Vision UK, 2007. Education's Missing Millions: Including Disabled Children through EFA FTI Processes and National Sector Plan. World Vision UK, Milton Keynes.
- Zalizan & Noraini Mohd. Salleh. 2000. Pendidikan Inklusif: Satu Perubahan Dalam Paradigma Pendidikan. Laporan Seminar Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2000. Institut Aminudin Bakri. 11 – 14 Jun 2000, hal. 85 – 106.

## **Lampiran 1**

### **PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM PENDIDIKAN KHAS**

#### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perspektif dan tahap pengetahuan terhadap Program Pendidikan Khas dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Fenomena persekitaran yang kurang mengenangkan isu-isu Pendidikan Khas menjadi pendorong kepada kajian ini dilakukan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan data dianalisis secara deskriptif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dengan menggunakan kaedah tinjauan. Analisis data dilakukan terhadap 30 orang responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan, UKM dengan menggunakan SPSS versi 23.0. Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang pendidikan khas. Implikasi kajian ini dijangka dapat mencetuskan fenomena baru dalam sistem pendidikan agar program pendidikan khas tidak terpinggir dengan arus kepesatan kemajuan pendidikan dan menjadi tumpuan sama seperti pendidikan normal.

**Kata Kunci:** Pendidikan Khas, Perspektif, Pengetahuan, Media dan Fenomena

*The purpose of this study is to know the perspective and the level of knowledge of the Special Education Program among students of the Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia. The environmental phenomenon that lacked the emphasis on Special Education issues was a driving force for this study. The methodology of the study uses quantitative methods where data is analyzed descriptively. The questionnaire was used as a research instrument using survey method. Data analysis was conducted on 30 respondents randomly selected among students of Faculty of Education, UKM by using SPSS version 23.0. The findings show that students have sufficient knowledge in the field of special education. The implication of this study is expected to trigger new phenomena in the education system so that special education programs are not outdated with the rapid flow of educational advancement and will be the same as normal education.*

**Keywords:** Special Education, Perspective, Knowledge, Media and Phenomenon

## **PENDAHULUAN**

Pendidikan Khas bagi murid berkeperluan pendidikan khas berada di tiga pilihan (*setting*) persekolahan. Pertama Sekolah Pendidikan Khas, kedua di sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi. Ketiga Program Pendidikan Inklusif, pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah.

Murid Berkeperluan Khas (MBK) pula ialah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, atau ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan.

Program Pendidikan Khas ialah Sekolah Pendidikan Khas yang menyediakan pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan. Sekolah Pendidikan Khas ini dikendalikan terus oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas). Program Pendidikan Khas merangkumi kepada dua jenis iaitu, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inkulsif.

Program Pendidikan Khas Integrasi ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas yang hanya dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas di kelas khas di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Program Pendidikan Inklusif ialah suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Program Pendidikan Khas terdiri dari golongan minoriti di Malaysia. Oleh itu, Program Pendidikan Khas kurang pendedahan di kalangan masyarakat umumnya dan pelajar khasnya. Penyataan masalah pertama ialah masyarakat kurang pengetahuan terhadap Program Pendidikan Khas. Seperti yang di nyatakan, golongan yang mengikuti Pendidikan Khas adalah terdiri dari golongan minoriti. Oleh yang demikian, masyarakat yang

tidak mempunyai ahli keluarga Orang Kurang Upaya (OKU) tidak mengambil serius tentang Program Pendidikan Khas. Ini amat mengecewakan kerana golongan OKU memerlukan perhatian dan bantuan dari masyarakat. Masyarakat perlu sedar tentang tanggungjawab ini.

Masalah kedua ialah, kurang informasi dari media. Perlu diakui bahawa pihak media seperti di stesyen televisyen, stesyen radio, atau media sosial kurang memainkan peranan untuk memberi pendedahan tentang program Pendidikan Khas mahupun golongan Orang Kurang Upaya. Salah satu punca pihak media tidak memberi kesedaran ini kerana ia tidak menguntungkan bagi pihak mereka.

Seterusnya, kurang pendedahan dari Kementerian dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Tunggak utama Program Pendidikan Khas ialah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka perlu menjalankan tanggungjawab yang besar untuk membekalkan keperluan yang cukup untuk Program Pendidikan Khas dan sudah semestinya Kementerian telah meletakkan satu aras untuk program tersebut. Aras itu berkemungkinan tidak mencapai tahap masyarakat luar untuk mengetahui tentang Program Pendidikan Khas. Manakala NGO pula lebih fokus pada golongan OKU daripada orang awam.

Golongan pendidik atau pihak sekolah juga perlu memainkan peranan penting kerana sekolah adalah tempat mereka menuntut ilmu. Program Pendidikan Khas yang bercampur dengan sekolah yang sama dengan pelajar normal adalah satu pendekatan yang bagus bagi pelajar lain untuk mengetahui tentang Program Pendidikan Khas. Walaubagaimanapun, pelajar Pendidikan Khas tidak dibenarkan sewenang-wenangnya dibiarkan begitu sahaja di dalam sekolah kerana mungkin akan menganggu pelajar yang lain. Oleh yang demikian, berlakunya jurang yang besar antara pelajar Pendidikan Khas dan pelajar normal.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengetahui tahap pengetahuan terhadap program pendidikan khas.
- ii. Mengenalpasti jenis-jenis pendidikan khas.
- iii. Mengenalpasti langkah-langkah membantu golongan program pendidikan khas.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- i. Apakah tahap pengetahuan masyarakat terhadap program pendidikan khas?
- ii. Apakah jenis-jenis pendidikan khas yang terdapat di Malaysia?
- iii. Apakah langkah-langkah untuk membantu golongan program pendidikan khas?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan bagi melihat tahap pengetahuan serta kefahaman mahasiswa terhadap golongan Pendidikan Khas. Kajian ini melibatkan responden seramai 30 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi Fakulti Pendidikan dalam kursus Pendidikan Khas. Sebanyak 40 borang soal selidik diedarkan kepada responden di Fakulti Pendidikan. Namun, hanya 30 borang soal selidik sahaja yang dikembalikan.

Soalan yang dikemukakan terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Soalan dikemukakan menggunakan skala interval 1-5 (1=sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju, dan 5 = sangat setuju). Bahagian A berkaitan demografi responden manakala bahagian B pula menjurus kepada pembolehubah yang berkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap pendidikan khas. Seterusnya soalan C berkaitan jenis-jenis pendidikan khas yang terdapat di Malaysia dan bahagian yang terakhir iaitu bahagian D mengenai langkah-langkah yang dilakukan untuk membantu golongan program pendidikan khas.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **ANALISA TERHADAP PENDEDEAHAN PENGETAHUAN PELAJAR PROGRAM PENDIDIKAN KHAS**


Pada bahagian ini, responden telah diutarakan dengan 3 bahagian iaitu 3 soalan utama dimana bagi setiap soalan utama terdiri daripada 10 soalan kecil yang telah dikhatusukan kepada pelajar Pendidikan Khas di Fakulti Pendidikan. 3 soalan utama tersebut ialah tahap pengetahuan terhadap program pendidikan khas, mengenalpasti jenis-jenis pendidikan khas dan langkah-langkah untuk membantu golongan program pendidikan khas.

BIL	ITEM	PERATUSAN KEKERAPAN SKOR RESPONDEN	STS	TS	TP	S	SS
1	Saya tahu apakah yang dimaksudkan dengan Pendidikan Khas.	0%	0%	0.0%	70.0%	30.0%	
2	Saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang Pendidikan Khas	0%	0%	33.3%	33.3%	13.3%	
3	Saya berpendapat bahawa saya tahu mengenai kepentingan pendidikan khas bagi masa hadapan.	0%	0%	10.0	56.7%	33.3%	
4	Saya merasakan program pendidikan khas adalah sesuatu pembelajaran yang sangat penting dalam memahami golongan khas.	0%	0%	3.3%	60.0%	36.7%	
5	Saya berpendapat bahawa masyarakat sepatutnya mempunyai pengetahuan mengenai pendidikan khas.	0%	0%	6.7%	40.0%	53.3%	
6	Saya yakin ramai golongan masyarakat yang tidak tahu tentang pendidikan khas	0%	0%	10.0%	56.7%	33.3%	
7	Saya mengetahui tentang pendidikan khas semasa di Universiti.	3.3%	3.3%	16.7%	53.3%	23.3%	

8	Saya berpendapat pendidikan khas sesuai dipelajari di setiap peringkat usia.	0%	0%	3.3%	50.0%	46.7%
9	Golongan pendidikan khas ialah golongan yang perlu mendapat perhatian yang lebih.	0%	0%	3.3%	36.7%	60.0%
10	Saya mendapat pengetahuan tentang pendidikan khas berasaskan bahan bacaan ilmiah.	0%	0%	16.7%	50.0%	33.3%

---

**Jadual 1 Tahap Pengetahuan Terhadap Program Pendidikan Khas**



Rajah 1: Tahap Pengetahuan Terhadap Pendidikan Khas

(Sumber: Kajian Lapangan 2018)


Berdasarkan kajian yang dilakukan tentang tahap pengetahuan terhadap pendidikan khas pada pelajar pendidikan khas di Fakulti Pendidikan, di dapati bahawa sebahagian besar bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan terhadap pendidikan khas. Manakala hanya sebilangan kecil sahaja yang sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti terhadap soalan yang ditanyakan berkenaan tahap pengetahuan terhadap pendidikan khas. Dengan data yang diperolehi, jelas menunjukkan bahawa hampir kesemua responden mempunyai pengetahuan terhadap pendidikan khas.

## MENGENAL PASTI JENIS-JENIS PENDIDIKAN KHAS

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUSAN KEKERAPAN</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
		<b>SKOR RESPONDEN</b>					
1	Saya mengetahui semua jenis-jenis Pendidikan Khas.	0%	0%	0%	70.0%	30.0%	
2	Saya berpendapat bahawa terdapat 8 jenis golongan khas.	0%	3.3%	33.3%	56.7%	6.7%	
3	Saya bersetuju bahawa golongan kecacatan mental merupakan salah satu dari golongan khas	0%	0%	10.0%	56.7%	33.3%	
4	Saya bersetuju bahawa yang mempunyai masalah pembelajaran merupakan salah satu dari golongan khas.	0%	3.3%	10.0%	40.0%	46.7%	
5	Saya bersetuju bahawa autism mempunyai masalah bertutur seperti sering mengulangi soalan yang diajukan.	0%	3.3%	6.7%	66.7%	23.3%	
6	Saya bersetuju bahawa mengalami gangguan komunikasi merupakan salah satu dari golongan khas.	0%	0%	23.3%	53.3%	20.0%	
7	Saya bersetuju bahawa mereka yang hilang pendengaran dan penglihatan meruapkan salah satu dari golongan khas.	3.3%	0%	0.0%	53.3%	46.7%	
8	Saya berpendapat bahawa kanak-kanak kerencatan akal	10.0%	10.0%	30.0%	36.7%	13.3%	

	berpunca daripada warisan baka keluarga.					
9	Jika mengalami kecacatan fizikal di mana-mana anggota badan juga merupakan golongan khas.	0%	6.7%	3.3%	53.3%	36.7%
10	Pendidikan Khas integrasi adalah bagi mereka yang mengalami masalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran.	0%	3.3%	20.0%	43.3%	33.3%

Jadual 2: Mengenal Pasti Jenis-Jenis Pendidikan Khas



Rajah 2: Tahap Pengetahuan Terhadap Pendidikan Khas

(Sumber: Kajian Lapangan 2018)

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap jenis-jenis pendidikan khas, dapat dilihat bahawa majoriti besar berjaya mengenalpasti jenis-jenis golongan dan pendidikan khas. Terdapat segilintir sahaja golongan yang tidak pasti terhadap jenis-jenis golongan dan pendidikan khas dan


terdapat sekelompok minoriti yang sangat tidak bersetuju dan tidak setuju. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah, hampir keseluruhan responden dari pelajar pendidikan khas berjaya mengenal pasti jenis-jenis pendidikan khas. Hal ini menunjukkan satu data yang positif berjaya dicapai.

### **LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBANTU GOLONGAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS**

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUSAN KEKERAPAN SKOR RESPONDEN</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
1	Saya bersedia untuk membantu golongan Pendidikan Khas.	0%	0%	0.0%	70.0%	30.0%	
2	Saya bersetuju bahawa pameran mengenai pendidikan khas membantu masyarakat untuk mengetahui program ini.	0%	0%	6.7%	36.7%	56.7%	
3	Ceramah mengenai Pendidikan Khas dapat membantu masyarakat memahami golongan khas.	0%	0%	10%	43.3%	46.7%	
4	Saya berpendapat bahawa media massa tidak perlu memberi pendedahan mengenai golongan Pendidikan Khas.	46.7%	13.3%	10.0%	10.0%	20.0%	
5	Saya pernah mengadakan program bersama golongan Pendidikan Khas.	3.3%	13.3%	20.0%	43.3%	20.0%	
6	Saya berpendapat bahawa ibubapa sahaja yang perlu	40.0%	20.0%	13.3%	16.7%	10.0%	

	mengetahui tentang Pendidikan Khas.					
7	Saya berpendapat bahawa pengajar sahaja yang berperanan untuk membantu memberi pendidikan kepada golongan Pendidikan Khas.	46.7%	13.3%	13.3%	20.0%	6.7%
8	Saya bersetuju bahawa pelajar program Pendidikan Khas perlu memberi pendedahan tentang golongan ini diperangkat Universiti.	0%	3.3%	10.0%	50.0%	36.7%
9	Saya berpendapat bahawa pelajar pendidikan khas di peringkat sekolah tidak boleh bergaul bersama pelajar normal.	43.3%	20.0%	10.0%	23.3%	3.3%
10	Penglibatan pelajar Pendidikan Khas di peringkat sekolah dapat membantu golongan ini menunjukkan bakat mereka.	3.3%	0%	3.3%	50.0%	43.3%

---



Rajah 3: Langkah-Langkah Untuk Membantu Golongan Program Pendidikan Khas

(Sumber: Kajian Lapangan 2018)

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terbukti bahawa masyarakat perlu mempunyai pengetahuan tentang pendidikan khas. Melihat kepada data yang telah diperolehi, majoriti responden sangat bersetuju bahawa semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengembangkan pengetahuan terhadap pendidikan khas. Hal ini, akan membantu golongan-golongan tersebut mendapat perhatian masyarakat sekeliling. Dengan ini, golongan khas akan mendapat layanan yang sama seperti golongan normal.

## **PERBINCANGAN**

Setiap masyarakat mempunyai perspektif yang berbeza terhadap program pendidikan khas. Hal ini disebabkan oleh masyarakat pada masa kini yang kurang pendedahan terhadap program pendidikan khas. Kebanyakkan masyarakat yang normal kurang mempunyai sikap peduli tentang program pendidikan khas kerana mereka tidak menganggap ia merupakan satu beban yang perlu ditanggung. Golongan yang kurang upaya ini juga mempunyai hak yang sama dalam mendapat pendidikan seperti apa yang cuba dilakukan oleh pelbagai pihak dalam usaha untuk mencapai pendemokrasian dalam pendidikan. Seperti kewujudan Akta Pendidikan 1996 yang menyatakan bahawa program pendidikan khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan layak diikuti oleh murid dengan keperluan khas yang boleh dididik.

Oleh itu, terdapat beberapa institusi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia yang menawarkan program pendidikan khas yang bertujuan untuk menyediakan tenaga profesional seperti guru, pensyarah, dan pentadbir yang cekap dalam bidang pendidikan khas bagi menjalankan tugas di institutsi pengajian, agensi-agensi pendidikan, sektor awam dan sektor swasta. Untuk mendidik pelajar-pelajar pendidikan khas ini, pelbagai pendekatan yang kreatif dan kritis untuk menarik minat mereka untuk dalam pengajaran dan pengajaran. Mendidik pelajar pelajar kelas pendidikan khas bukan sahaja memerlukan kesabaran tetapi perlu pendekatan kreatif dan kritis dalam pembelajaran kerana setiap pelajar pendidikan khas di dalam sesebuah kelas memerlukan kaedah pengajaran tersendiri.

Pandangan masyarakat masa kini perlulah diubah kerana golongan kurang upaya juga perlu diperkembangkan bakat dan potensi murid melalui pendidikan vokasional bagi menghasilkan insan yang berkemahiran ke arah meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, semua pihak perlulah mempunyai inisiatif untuk menaiktaraf perspektif masyarakat tentang program pendidikan khas. Terdapat halangan dalam menaik taraf perspektif masyarakat terhadap program pendidikan khas iaitu aspek pembangunan fizikal sesebuah sekolah yang tidak mengikuti keperluan murid Pendidikan Khas. Murid berkeperluan khas ini memerlukan ruang yang luas bagi membantu mereka dari segi perkembangan emosi dan tingkah laku mereka.

## **CADANGAN KAJIAN**

Daripada kajian yang telah kami jalankan, terdapat beberapa cadangan yang kami kemukakan untuk menaiktaraf perspektif masyarakat terhadap program pendidikan khas antaranya adalah dengan membuat taklimat atau penerangan mengenai program pendidikan khas di sekolah, universiti. Selain itu, membina satu Klinik agar ibu bapa boleh datang membawa anak mereka untuk membuat pemeriksaan justeru dapat meningkatkan lebih perhatian mengenai pendidikan khas. Seterusnya, membuat satu pameran untuk menggambarkan kepada masyarakat tentang pendidikan khas dengan lebih dekat. Tambahan pula, meningkatkan kerjasama dalam kalangan pentadbir bagi mengatasi halangan dan memberikan kefahaman ke arah mencapai kesamarataan dengan program yang lain. Akhir sekali, menyediakan kemudahan fizikal yang sempurna dan kondusif seperti orang biasa.

## **KESIMPULAN**

Program pendidikan khas merupakan program yang menyediakan pendidikan pada semua peringkat bagi murid berkeperluan khas. Berdasarkan kajian ini pelajar pendidikan khas Fakulti Pendidikan, UKM mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang pendidikan khas. Program ini dapat memberi peluang kepada golongan kurang upaya untuk mendapat pendidikan yang sama seperti golongan yang normal. Namun begitu, kurangnya sokongan pihak pentadbiran boleh dilihat dari segi layanan pihak pentadbir terhadap guru dan murid pendidikan khas sebagai golongan kelas kedua. Selain itu, aspek pembangunan fizikal sekolah juga perlu diberi perhatian kerana kebanyakkannya sekolah tidak mengikut keperluan murid pendidikan khas. Oleh itu, inisiatif perlu diambil dalam meningkatkan perspektif masyarakat terhadap program pendidikan khas.

## RUJUKAN

- Abdullah. Yusoff (2017). *Memahami Kecacatan Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin, M. (2017). *Sikap Guru Kelas Terhadap Anak Bekebutuhan Khusus di Sekolah Dasar Inklusif Wilayah Kabupaten*. Master thesis. Universiti Yogyakarta.
- Asiah Hj. Ahmad. (2012). *Mengenal dan menangani orang kurang upaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ab. Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Mohammad Naqib Hamdan. (2014). *Fiqh Jenayah Orang Kurang Upaya*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Catherine, Raynham. (2016). *School Management Teams' Motivation of Teachers in Inclusive Classrooms*. (Master Thesis).
- Cheong, Keok Lee (2018). Pendidikan Inklusif. Siri Pendidikan Guru. Oxford Fajar.
- David F. Bateman & C. F. Bateman. 2015. The Principles Guide To Special Education Third Edition. United States of America. AGS Printer.
- Embong, R., Noruddin, N., Suleiman, A. A., Abdullah, W. I. W., & Latch, H. M. (2018). *Amalan Kurikulum Bersepadu bagi Sekolah Islam di Malaysia*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 17(2), 27-40
- Husna, Suryani. (2016). *Challenges Malaysian Teachers Face In The Inclusion Of Autistic Students In the normal Classroom*. Journal of Education and Social Sciences.
- James M. Kauffman and Daniel P. Hallahan. 2017. Handbook of Special Education. New York. Routledge Taylor & Francis Group.
- Jenifer Laviano & Julie Swanson. 2017. Your Special Education Rights: What's Your School District Isn't Telling You. New York. Skyhorse Publishing.